7.7 Pelajar yang tidak membuat pendaftaran kursus setelah tamat tempoh pendaftaran berdenda akan diberhentikan daripada pengajian kecuali atas sebab-sebab yang dapat diterima oleh Pusat.

7.8 Pelajar yang tidak membuat pendaftaran kursus setelah tamat tempoh pendaftaran berdenda akan diberhentikan daripada pengajian kecuali atas sebab-sebab yang dapat diterima oleh Pusat.

8.0 PEMBETULAN PENDAFTARAN KURSUS

8.1 Pelajar bertanggungjawab memastikan sebarang kesilapan yang

terdapat dalam rekod slip pendaftaran kursusnya diperbetulkan dalam tempoh yang ditetapkan.

8.2 Sebarang permohonan pembetulan yang lewat daripada tempoh yang ditetapkan tanpa sebab-sebab yang boleh diterima akan dikenakan denda.

9. PENDAFTARAN KURSUS TERAS (T) DAN KURSUS WAJIB PUSAT TAMHIDI (WPT)

9.1 Pelajar perlu mendaftar semua kursus dengan status Kursus Teras (T) dan Kursus Wajib Pusat Tamhidi (WPT) yang ditetapkan dalam sesuatu semester.

9.2 Kredit Kursus Teras (T) dan Kursus Wajib Pusat Tamhidi (WPT) akan diambilkira dalam pengiraan PNGS dan PNGK. Oleh yang demikian, pelajar dikehendaki hadir kuliah serta mengikuti dan lulus segala bentuk penilaian yang diadakan.

10. TARIK DIRI KURSUS

10.1 Pelajar dibenarkan menarik diri atau mengugurkan mana-mana kursus yang telah didaftarkan mengikut garis panduan tertentu yang ditetapkan oleh Pusat.

11. PEMULANGAN YURAN

11.1 Jenis yuran yang terlibat ialah **Yuran Berulang** dan **Yuran MUET**.

11.2 Yuran akan dikembalikan dengan syarat-syarat berikut:

11.2.1 Pelajar menarik diri dari Program Tamhidi sebelum sesi perkuliahan bermula;

11.2.2 Pelajar menarik diri dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pendaftaran, atau tidak mendaftar pada tarikh yang ditetapkan atas sebab-sebab yang dibenarkan; dan

11.2.3 Pelajar mengemukakan permohonan untuk pemulangan yuran pengajian yang telah dibayar

Sekiranya pelajar menarik diri selepas tempoh dua (2) minggu dari tarikh pendaftaran, hanya **Yuran MUET** sahaja yang dipulangkan selagi belum didaftarkan dibawah Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM)

12. PENJADUALAN

12.1 Pelajar dikehendaki mencetak jadual waktu kuliah/tutorial/makmal masing-masing melalui Portal iSTUDENT pada tarikh yang ditetapkan berdasarkan Takwim Akademik Pusat.

12.2 Pelajar dikehendaki menghadiri kuliah/tutorial/makmal mengikut hari dan masa serta kumpulan yang telah ditetapkan dalam jadual waktu yang berkenaan.

12.3 Pelajar tidak dibenarkan menukar kumpulan tanpa kebenaran Pusat.

BAHAGIAN E: PEPERIKSAAN

13. STRUKTUR PENILAIAN

13.1 Penilaian kursus setiap semester adalah berdasarkan kepada sistem penilaian nilai gred. Penilaian ini merangkumi penilaian berterusan sepanjang semester dan/atau peperiksaan akhir semester tertakluk kepada kelulusan Senat Universiti.

13.2 Semua keputusan penilaian akhir semester yang diperolehi oleh pelajar dicatat dalam Transkrip Akademik Rasmi Pusat.

13.3 Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:

Gred	Julat Markah	Nilai Gred
A	80 – 100	4.00
A-	75 – 79	3.75
B+	70 – 74	3.50
B	65 – 69	3.00
B-	60 – 64	2.75
C+	55 – 59	2.50
C	50 – 54	2.00
C-	45 – 49	1.75
D	40 – 44	1.00
E	0 – 39	0.00
TH	Tidak Hadir	0.00
X	Dihalang	0.00
TD	Tarik Diri	-

TG	Tangguh Pengajian	-
TT	Tatatertib	-
LTP	Lulus Terus Pengajian	-
TPT	Tamat Program Tamhidi	-

13.4 Gred-gred yang diberikan tanpa nilai gred adalah seperti berikut**:**

13.4.1 “TD” (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang yang berhenti pengajian dengan kebenaran Pusat.

13.4.2 “TG” (Tangguh Pengajian) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan pengajian pada sesuatu semester.

13.4.3 “TH” (Tidak Hadir) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang tidak hadir untuk menduduki peperiksaan akhir semester kursus tersebut atau diluluskan permohonan menagguhkan peperiksaan.

13.4.4 “X” (Dihalang) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir semester kursus.

13.4.5 "TT" (Tatatertib) iaitu gred sementara yang diberikan kepada pelajar yang terlibat dalam salah laku peperiksaan bagi sesuatu kursus.

13.4.6 “LTP” (Lulus Terus Pengajian) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang memperolehi PNGS $\geq$ 2.00.

13.4.7 “TPT” (Tamat Pengajian Pusat Tamhidi) iaitu gred gred yang diberikan pelajar yang berjaya menamatkan program Tamhidi dengan memperolehi PNGK $\geq$ 2.00.

14. SISTEM PENILAIAN DAN PURATA NILAI GRED

14.1 Pencapaian pelajar dinilai dengan menggunakan dua (2) ukuran iaitu PNGS dan PNGK.

14.2 Taraf kedudukan akademik pelajar ditentukan di akhir semester lazim dengan menggunakan PNGK adalah seperti berikut:

Status Kedudukan	PNGS / PNGK
Lulus Terus Pengajian (LTP) Tamat Pengajian Pusat Tamhidi (TPT) Lulus Bersyarat (LBS) Gagal dan Diberhentikan (GDB)	PNGS $\geq$ 2.00 PNGK $\geq$ 2.00 1.50 $\leq$ PNGK < 2.00 PNGK< 1.50

14.3 Pelajar yang memperoleh taraf 'Lulus Bersyarat' (LBS) dalam PNGS sebanyak dua kali berturut-turut akan diberi taraf 'Gagal dan Diberhentikan' (GDB).

14.4 Tempoh pengajian maksimum adalah selama dua (2) sesi akademik termasuklah empat (4) semester lazim dan dua (2) semester pendek. Walau bagaimanapun, pengajian dalam semester pendek adalah terhad kepada kumpulan pelajar tertentu sahaja dan tertakluk kepada syarat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Peperiksaan.

14.5 Kursus yang mendapat gred "E" juga diambil kira untuk menentukan PNGS dan PNGK.

14.6 Gred bagi kursus ulangan adalah diambil kira untuk menentukan PNGS dan PNGK dan dengan ini gred "E" yang asal bagi kursus berkenaan digugurkan dalam pengiraan PNGS dan PNGK tersebut.

14.7 Pengiraan PNGS dan PNGK akan ditentukan mengikut kaedah berikut:

14.7.1 **PNGS**

$$\text{Purata Nilai Gred Semester (PNGS)} = \frac{\text{Jumlah mata nilai sesuatu semester bagi mata pelajaran wajib program}}{\text{Jumlah kredit kira sesuatu semester bagi mata pelajaran wajib program}}$$

Contoh: Semester 1

Kursus	Gred	Nilai gred	Jam Kredit	*Nilai Gred x Jam Kredit
AAA1013	A	4.00	3	12.00
AAA1033	B+	3.50	3	10.50
AAA1053	A-	3.75	3	11.25
AAA1073	E	0.00	3	00.00
AAA1093	C+	2.50	3	7.50
JUMLAH			**15**	**41.25**

PNGS = 41.25/15
= 2.75

14.7.2 **PNGK**

Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)	=	Jumlah mata nilai semua semester bagi mata pelajaran wajib program
		Jumlah kredit kira semua semester bagi mata pelajaran wajib program

Contoh: Semester II

Kursus	Gred	Nilai gred	Jam Kredit	*Nilai Gred x Unit Kredit
AAA1023	A	4.00	3	12.00
AAA1043	B+	3.50	3	10.50
AAA1063	C+	2.50	3	7.50
AAA1083	A	4.00	3	12.00
AAA1103	D	1.00	3	03.00
JUMLAH (B)			**15**	**45.00**
JUMLAH BESAR (A+B)			**30**	**86.25**

PNGK = 86.25/30
= 2.88

14.8 Unit Ambil merupakan semua jumlah kredit yang diambil dalam sesuatu semester termasuk kursus yang tiada peperiksaan akhir.

14.9 Unit Kira merupakan jumlah kredit yang diambilkira dalam pengiraan PNGS dan PNGK.

15. TEMPOH PENGAJIAN

15.1 Tempoh Program Pengajian Tamhidi adalah seperti berikut:

Pengajian	Minimum	Maksimum
Program Tamhidi	1 Tahun (2 Semester)	2 Tahun (4 Semester)

15.2 Di samping dua semester lazim, pelajar juga dibenarkan membuat penangguhan pengajian secara bertulis dengan kelulusan Jawatankuasa Akademik Pusat;

15.3 Satu semester pendek juga diadakan bagi kes khas seperti berikut dengan kelulusan Jawatankuasa Peperiksaan:

15.3.1 Pelajar mendapat gred E bagi 2 atau lebih kursus yang ditawarkan program pengajian Tamhidi;

15.3.2 Pelajar yang memperolehi PNGK 2.00 dan ke atas atau LBS tetapi gagal dalam 2 atau lebih kurusus program pengajian;

15.3.3 Pelajar yang memperolehi PNGK 2.00 ke atas atau LBS pada akhir semester tetapi memperolehi gred E dalam Peperiksaan Ulangan Khas.

15.3.4 Pelajar yang memperolehi PNGK 2.00 ke atas atau LBS pada akhir semester tetapi memperolehi gred E dalam Peperiksaan Ulangan Khas.

16. PELAJAR YANG MENDAPAT GRED E

16.1 Pelajar yang mendapat keputusan gred “E” mana-mana kursus diwajibkan menduduki Peperiksaan Ulangan Khas.

16.2 Pelajar yang mendapat keputusan gred “E” melebihi satu (1) kursus dan berstatus LTP atau LBS akan ditawarkan semester pendek yang diputuskan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Pusat dengan kelulusan Senat.

17. KEHADIRAN PELAJAR

17.1 Pelajar diwajibkan menghadiri kuliah/tutorial/makmal dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran seperti yang ditetapkan dalam struktur pengajian program Tamhidi.

17.2 Pelajar diwajibkan menghadiri kuliah/tutorial/makmal dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran seperti yang ditetapkan dalam struktur pengajian program Tamhidi.

17.3 Kehadiran seperti perkara 17.1 hendaklah tidak kurang daripada 80%. Jika pelajar tidak memenuhi keperluan kehadiran tersebut seperti ditetapkan, pelajar tidak dibenarkan mengambil peperiksaan akhir semester setelah Pengarah dimaklumkan oleh tenaga akademik yang mengendalikan kursus berkenaan.

17.3.1 Keperluan 80% kehadiran turut terpakai kepada kursus yang tiada peperiksaan akhir. Pelajar diberikan gred “E” sekiranya tidak memenuhi keperluan tersebut.

17.3.2 Pelajar yang tidak memenuhi komponen penilaian kursus yang diperlukan serta tidak hadir Peperiksaan Akhir Semester tanpa sebab dan tidak diperakukan Pengarah akan diberikan gred ‘E” bagi kursus tersebut.

18. PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER

18.1 Tarikh Peperiksaan Akhir Semester adalah sepertimana yang terkandung dalam Takwim Akademik Pusat yang telah ditetapkan oleh Universiti.

18.2 Tarikh Peperiksaan Akhir Semester adalah sepertimana yang terkandung dalam Takwim Akademik Pusat yang telah ditetapkan oleh Universiti.

18.3 Semua pelajar wajib menghadiri peperiksaan bagi kursus-kursus yang mempunyai peperiksaan akhir.

18.4 Semua pelajar wajib menghadiri peperiksaan bagi kursus-kursus yang mempunyai peperiksaan akhir.

18.5 Pusat boleh membenarkan penangguhan peperiksaan bagi seseorang pelajar yang sakit sekiranya pelajar tersebut mempunyai perakuan daripada pegawai perubatan/doktor/pengamal perubatan berdaftar dengan KKM. Cuti Sakit hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Pusat atau wakilnya tidak lewat daripada empat puluh lapan (48) jam daripada masa peperiksaan yang berkenaan dimulakan kecuali atas sebab-sebab tertentu yang boleh diterima oleh Pusat.

18.6 Soalan bagi semua kursus yang mempunyai komponen Peperiksaan Akhir Semester akan melalui peringkat penaksiran oleh Jawatankuasa Penaksiran Pusat selewat-lewatnya 2 minggu sebelum peperiksaan bermula.

19. JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER

19.1 Jadual Peperiksaan Akhir Semester yang disediakan oleh Pusat akan dipaparkan melalui portal iStudent sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh peperiksaan bermula.

19.2 Semua pelajar program Tamhidi diwajibkan membuat penilaian eNilai sebelum mencetak Slip Jadual Peperiksaan Akhir Semester.

20. TATATERTIB PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER

20.1 Pelajar adalah dinasihatkan supaya berada di luar Dewan Peperiksaan tidak lewat daripada 15 minit sebelum peperiksaan bermula.

20.2 Pelajar adalah dinasihatkan supaya berada di luar Dewan Peperiksaan tidak lewat daripada 15 minit sebelum peperiksaan bermula.

20.3 Pelajar dikehendaki menunggu di luar Dewan Peperiksaan sehingga diberi kebenaran masuk oleh Pengawas yang bertugas.

20.4 Apabila kebenaran masuk telah diberikan, pelajar hendaklah masuk dengan tertib melalui pintu yang ditetapkan.

20.5 Pelajar adalah dimestikan memasuki Dewan Peperiksaan yang telah ditetapkan sebagaimana yang tercatat dalam Jadual Peperiksaan.

20.6 Pelajar tidak dibenarkan masuk ke Dewan Peperiksaan selepas 30 minit peperiksaan dimulakan dan tidak dibenarkan menduduki peperiksaan tersebut.

20.7 Pelajar yang lewat hadir tetapi tidak melebihi 30 minit daripada waktu peperiksaan dimulakan adalah dibenarkan mengambil peperiksaan, tetapi waktu tamat peperiksaannya bagi mata pelajaran tersebut adalah sama dengan pelajar lain.

20.8 Pelajar tidak boleh meninggalkan Dewan Peperiksaan 30 minit selepas peperiksaan bermula dan 15 minit sebelum peperiksaan berakhir. Pelajar yang ingin keluar sebentar dari Dewan Peperiksaan hendaklah meminta kebenaran daripada Pengawas.

20.9 Semua pelajar dikehendaki membawa Slip Pendaftaran Mata Pelajaran bersama kad matrik pelajar atau / dan kad pengenalan ke Dewan Peperiksaan. Kad pengenalan, Slip Pendaftaran Mata Pelajaran dan kad matrik pelajar hendaklah diletakkan di sudut kanan meja peperiksaan untuk diperiksa oleh Pengawas. Pelajar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan sekiranya tidak berbuat demikian.

20.10 Pelajar yang tidak mempunyai Slip Pendaftaran Mata Pelajaran tidak dibenarkan mengambil peperiksaan melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Penyelia Peperiksaan.

20.11 Pelajar tidak dibenarkan sama sekali membawa apa-apa buku, kertas, suratan, gambar, nota, sebarang alat yang terdapat catatan bertulis, “programmable calculator” atau sebarang alat kecuali yang dibenarkan oleh Pengawas ke dalam atau keluar dari Dewan Peperiksaan atau menerima apa-apa kertas, buku, dokumen, gambar, nota, sebarang alat yang di dalam atau di atasnya terdapat catatan bertulis, “programmable calculator” atau alat dari mana-mana orang lain semasa di dalam Dewan Peperiksaan; kecuali seseorang pelajar semasa ia berada di dalam Dewan Peperiksaan itu menerima daripada Pengawas apa-apa buku, kertas, dokumen / gambar atau lain-lain alat yang dibenarkan oleh Naib Canselor atas syor Pengarah.

20.12 Dalam masa 15 minit sebelum peperiksaan dimulakan, pelajar boleh dibenarkan:-

20.1.1 Membaca kertas soalan tanpa membuat sebarang catatan; dan / atau

20.1.2 Mengisi Borang Kehadiran (Borang H) dan maklumat yang dikehendaki di muka hadapan buku / kertas jawapan peperiksaan.

20.13 Pelajar hendaklah menulis nombor matrik, kod kursus dan nama kursus serta maklumat lain yang diperlukan di tiap-tiap buku jawapan, kertas jawapan serta lampiran yang digunakan.

20.14 Pelajar hendaklah membaca dengan teliti dan mematuhi arahan yang tercetak pada kulit kertas soalan dan buku jawapan.

20.15 Pelajar hendaklah memastikan bahawa mereka telah diberikan kertas soalan yang betul serta muka surat yang cukup sebelum mula menjawab. Sekiranya seorang pelajar mendapati dia telah diberikan kertas soalan yang salah, dia hendaklah dengan serta merta memberitahu Pengawas yang bertugas.

20.16 Semua kerja peperiksaan termasuk kerja percubaan (“rough work”) mesti dibuat dalam buku jawapan. Helaian buku jawapan tidak boleh dikoyakkan.

20.17 Buku jawapan atau / dan kertas jawapan yang telah digunakan, yang dirosakkan atau kosong tidak dibenarkan dibawa keluar dari Dewan Peperiksaan.

20.18 Pelajar tidak dibenarkan berhubung dengan mana-mana pelajar lain dalam masa peperiksaan dengan apa-apa cara sekalipun.

20.19 Pelajar tidak dibenarkan berhubung dengan mana-mana pelajar lain dalam masa peperiksaan dengan apa-apa cara sekalipun

20.20 Pelajar tidak dibenarkan sama sekali makan atau minum atau merokok semasa berada di Dewan Peperiksaan.

20.21 Di akhir peperiksaan, pelajar hendaklah memastikan bahawa buku jawapan atau / dan kertas jawapan peperiksaan disusun dan diikat dengan sempurna mengikut arahan bersama-sama salinan pertama Borang Kehadiran sebelum menyerahkannya kepada Pengawas.

20.22 Pelajar dikehendaki berada di tempat duduk masing-masing selepas tamat peperiksaan dan hanya dibenarkan keluar dari Dewan Peperiksaan setelah mendapat arahan berbuat demikian daripada Ketua Pengawas.

20.23 Pelajar hendaklah masuk dan keluar dari Dewan Peperiksaan dalam keadaan tertib dan teratur.

20.24 Pelajar tidak boleh merujuk dan menggunakan sebarang bahan rujukan yang dilarang di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan bagi keperluan peperiksaan semasa peperiksaan sedang berjalan.

20.25 Pelajar tidak boleh memberi atau menerima sebarang bantuan daripada pelajar atau pihak lain yang berkaitan dengan peperiksaan semasa peperiksaan sedang berjalan kecuali yang dibenarkan oleh Pengawas.

20.26 Pelajar tidak boleh mula menjawab soalan peperiksaan sebelum waktu yang ditetapkan atau meneruskan kerja selepas waktu peperiksaan tamat.

20.27 Semasa berada di dalam Dewan Peperiksaan, pelajar hendaklah mematuhi segala arahan Pengawas

21. SALAH LAKU PEPERIKSAAN

21.1 Semua pelajar tertakluk kepada Kaedah 1(b) dan Kaedah 8 Kaedah-Kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009.

21.2 Pelajar yang didapati bersalah akan dihukum mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 mengikut keputusan Pihak Berkuasa Tatatertib Universiti.

21.3 Pelajar boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai seperti yang diputuskan Jawatankuasa Peperiksaan Pusat.

22. PEPERIKSAAN SEMULA

22.1 Universiti berhak mengadakan peperiksaan semula pada bila-bila masa sekiranya perlu dalam keadaan berikut:

22.1.1 Berlaku kebocoran soalan Peperiksaan Akhir;

22.1.2 Bencana alam atau masalah luar jangka;

22.1.3 Arahan Naib Canselor.

23. KEPUTUSAN PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER

23.1 Keputusan peperiksaan semester yang telah disahkan oleh Senat Universiti dipaparkan secara atas talian (online) melalui portal iSTUDENT.

23.2 Cetakan yang diperolehi melalui paparan tersebut adalah diiktiraf sebagai cetakan rasmi keputusan peperiksaan akhir semester lazim di mana tiada tandatangan diperlukan.

23.3 Universiti berhak menahan keputusan peperiksaan sekiranya pelajar gagal mematuhi mana-mana peraturan yang ditetapkan oleh Universiti.

23.4 Pelajar yang dianugerahkan status TPT boleh mendapatkan Transkrip Akademik Rasmi Pusat seperti dinyatakan dalam Bahagian E dalam peraturan ini.

24. PENANGGUHAN PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER

24.1 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan bagi sesuatu kursus kerana kes di atas hendaklah dibuat tidak lewat daripada tempoh 48 jam selepas peperiksaan kursus berkenaan diadakan.

24.2 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan atas sebab-sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan Sijil Cuti Sakit/Surat Pengesahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Perubatan / Doktor Bertauliah / Pengamal Perubatan yang berdaftar dengan KKM yang merawat pelajar berkenaan. Slip Masa (Time slip) adalah tidak dibenarkan sama sekali.

24.3 Permohonan atas sebab-sebab lain kecuali atas sebab kelalaian dan kealpaan pelajar, boleh dipertimbangkan dan diluluskan atas budi bicara Jawatankuasa Peperiksaan Pusat.

24.4 Gred sementara pelajar yang layak menangguhkan peperiksaan ialah Tidak Hadir (TH).

25. PEPERIKSAAN KHAS

25.1 Peperiksaan Khas akan diadakan dalam tempoh dua (2) minggu selepas keputusan Peperiksaan Akhir Semester diumumkan.

25.2 Markah Peperiksan Khas akan menggantikan markah Peperiksaan Akhir Semester sahaja, manakala markah kerja kursus (carry marks) dikekalkan.

25.3 Peperiksaan Khas tidak boleh diadakan bagi kes-kes seperti berikut:

25.3.1 Kursus yang tidak ada Peperiksaan Akhir Semester.

25.3.2 Kursus yang tidak ditawarkan pada semester berkenaan.

25.3.3 Permohonan penangguhan peperiksaan ditolak oleh Pusat.

25.4 Terdapat dua (2) jenis Peperiksaan Khas yang melibatkan Peperiksaan Akhir Semester iaitu:

25.4.1 **Peperiksaan Akhir Gantian:**
Pelajar yang memperolehi gred TH dalam keputusan peperiksaan akhir semester.

25.4.2 **Peperiksaan Ulangan Khas:**
Pelajar yang gagal dalam satu (1) kursus sahaja.
Peperiksaan tersebut hanya boleh diambil satu (1) kali sahaja.
Pelajar hendaklah membuat permohonan secara bertulis dalam tempoh dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan.
Sejumlah bayaran akan dikenakan seperti dinyatakan dalam Jadual Pertama

26. PENYIMPANAN SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN

26.1 Semua skrip jawapan pelajar bagi sebarang peperiksaan hendaklah disimpan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus sehingga tempoh yang ditetapkan.

26.2 Semua skrip hendaklah disimpan dengan selamat selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas pemberitahuan secara rasmi keputusan peperiksaan kursus berkenaan.

26.3 Semua skrip jawapan peperiksaan tidak boleh dimusnahkan kecuali sekurang-kurangnya selepas tamat tempoh tiga (3) bulan dan tertakluk kepada keperluan Pusat.

26.4 Dalam kes di mana rayuan terhadap keputusan penilaian sesuatu kursus itu telah dibuat oleh seseorang pelajar, skrip jawapan berkenaan dengan penilaian itu tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas keputusan penyemakan semula itu disahkan.

27. RAYUAN SEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PENILAIAN KURSUS

27.1 Permohonan rayuan semakan semula keputusan penilaian kursus hendaklah dikemukakan pelajar kepada Pusat secara bertulis dalm tempoh satu (1) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Rayuan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

27.2 Rayuan penyemakan semula yang dikemukakan adalah kursus yang ditawarkan pada semester berkenaan dan mempunyai Peperiksaan Akhir Semester Lazim.

27.3 Bayaran bagi setiap kursus untuk penyemakan semula akan dikenakan kepada pelajar berkenaan seperti dinyatakan dalam Jadual Pertama. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.

27.4 Semua keputusan yang dibuat menurut kaedah ini oleh Jawatankuasa Peperiksaan dan disahkan oleh Senat Universiti adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan itu tidak akan dipertimbangkan.

28. RAYUAN MENERUSKAN SEMULA PENGAJIAN

28.1 Pelajar yang mendapat keputusan “Gagal dan Diberhentikan” (GDB) oleh sebab gagal dalam peperiksaan boleh membuat rayuan untuk meneruskan semula pengajian mengikut tatacara rayuan seperti berikut:

28.1.1 Sesuatu rayuan untuk meneruskan semula pengajian hendaklah secara bertulis kepada Pusat dalam tempoh tujuh (7) hari selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Rayuan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

28.1.2 Sejumlah bayaran akan dikenakan seperti yang terkandung dalam Jadual Pertama dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

28.2 Setiap keputusan yang dibuat menurut kaedah ini oleh Pusat dan disahkan oleh Senat Universiti adalah muktamad. Tiada sebarang rayuan bagi kes ini.

Rayuan meneruskan semula pengajian hanya dibenarkan SEKALI SAHAJA sepanjang tempoh pengajian dan akan mengikuti pengajian semester pendek yang akan diputuskan oleh Jawwatankuasa Akademik Pusat.

Pelajar yang telah diluluskan rayuan untuk meneruskan semula pengajian dibenarkan mengulang kursus bagi gred C- dan ke bawah, dan jika PNGK bagi keputusan peperiksaan semester berikutnya masih di bawah 2.00, maka Keputusan Status Peperiksaan (KSTP) pelajar tersebut adalah dikekalkan kepada Gagal dan Diberhentikan (GDB).

Contoh: Pelajar A

Semester	Keputusan Peperiksaan Mengikut (**PNGK**)	Keputusan Status Peperiksaan (KSTP)	Merayu Meneruskan Semula Pengajian
I	1.86	Lulus Bersyarat (LBS)	
II	1.93	Gagal dan Diberhentikan (GDB)	Layak Pertama Kali
III	1.83	Gagal dan Diberhentikan (GDB)	Tidak layak

29. PENANGGUHAN PENGAJIAN

29.1 Penangguhan pengajian pelajar boleh dipertimbangkan dalam keadaan berikut:

29.1.1 Atas sebab-sebab kesihatan:

a. Pelajar yang sakit untuk tempoh melebihi tujuh (7) hari dengan perakuan daripada pegawai perubatan/doktor/pengamal perubatan berdaftar dengan KKM. Dalam kes sakit jiwa, kebenaran untuk pelajar mendaftar semula adalah tertakluk kepada perakuan pegawai perubatan/doktor/pengamal perubatan berdaftar dengan KKM yang memberi rawatan.
b. Pelajar yang telah disahkan oleh pegawai perubatan/doktor/pengamal perubatan daftar dengan KKM bahawa dia sedang hamil untuk tempoh enam (6) bulan dan ke atas pada tarikh permulaan

pendaftaran perlu dinasihatkan supaya menangguhkan pengajian pada sesi akademik tersebut.

29.2 Penangguhan pengajian adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Akadmik Pusat.

29.3 Permohonan penangguhan pengajian boleh dibuat sehingga minggu ke-10 perkuliahan sesuatu semester. Permohonan selepas tempoh ini tidak akan diberi pertimbangan melainkan telah disahkan tidak berupaya untuk meneruskan pengajian oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah/pengamal perubatan berdaftar dengan KKM.

29.4 Permohonan perlu dibuat secara bertulis dan bayaran akan dikenakan seperti dinyatakan dalam Jadual Pertama.

29.5 Pelajar yang telah diberikan kelulusan untuk menangguhkan pengajian perlu mendaftar semula pengajian pada sesi akademik berikutnya. Bagi pelajar yang tidak diluluskan permohonan pengajian tersebut, pengajian pada semester yang sedang diikuti perlu diteruskan.

29.6 Sekiranya pelajar yang tidak diluluskan permohonan penangguhan pengajian untuk sesuatu semester tidak meneruskan pengajian pada semester tersebut, pelajar tersebut boleh dikenakan tindakan berhenti daripada pengajian program.

29.7 Pelajar yang telah diberikan penangguhan pengajian akan hilang tarafnya sebagai pelajar USIM dan dengan demikian tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan USIM yang biasanya diberi kepada pelajar sehingga pelajar mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.

29.8 Visa pelajar bagi pelajar bukan warganegara yang telah diberikan penangguhan pengajian akan dibatalkan dan penyambungan semula visa pelajar tersebut adalah tertakluk kepada pendaftaran semula pengajian pada sesi akademik berikutnya.

29.9 Pelajar yang memohon penangguhan pengajian akan dikenakan bayaran tambahan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

30. PENGGANTUNGAN PENGAJIAN

30.1 Pelajar yang didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib oleh pihak berkuasa tatatertib USIM boleh digantung pengajian bagi suatu tempoh yang ditetapkan.

BAHAGIAN F: TAMAT PENGAJIAN PUSAT TAMHIDI

31. STRUKTUR PENAMATAN PROGRAM

31.1 Perakuan Tamat Pengajian Pusat Tamhidi (TPT) akan dibuat dalam Semester II atau Semester Pendek (jika berkenaan).

31.2 Pelajar hanya layak diperakukan setelah syarat-syarat berikut dipenuhi: -

31.2.1 Memperolehi PNGK tidak kurang daripada 2.00;
31.2.2 Memperolehi gred D dan ke atas dalam semua mata pelajaran yang ditetapkan; Dan
31.2.3 Memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan dari semasa ke semasa dan diluluskan oleh Senat.

32. TRANSKRIP

32.1 Transkrip Akademik Rasmi Pusat yang telah diperakukan oleh Senat dikeluarkan oleh Pusat dan diberikan kepada pelajar yang berstatus TPT sahaja.

32.2 Transkrip Akademik Rasmi (Cetakan Pertama) perlu diambil sendiri oleh pelajar atau wakil di pejabat Pusat selepas pengumuman keputusan Peperiksaan Akhir Semester Keseluruhan.

32.3 Permohonan untuk Transkrip Akademik Rasmi bagi cetakan semula akan dikenakan bayaran seperti dinyatakan dalam Jadual Pertama.

PERATURAN AKADEMIK
PROGRAM TAMHIDI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

JADUAL PERTAMA

Di bawah Peraturan-peraturan 5, 25, 27, 28 dan 32 Senat Universiti dengan kuasa yang ada padanya menetapkan penggunaan garis panduan bagi urusan-urusan berikut:

Bil	**Urusan**	**Kadar Bayaran**
1.	Permohonan Menduduki Peperiksaan Ulangan Khas	RM50.00
2.	Rayuan Semakan Semula Keputusan Penilaian Kursus	RM50.00
3.	Rayuan Meneruskan Semula Pengajian	RM50.00
4.	Lewat Mendaftar	RM25.00
5.	Permohonan Transkrip Akademik Rasmi Pusat	RM25.00 per bahasa

IKRAR MAHASISWA

Bahawasanya saya sebagai mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia mengaku akan patuh dan taat pada Perlembagaan, Undang-Undang negara dan tatatertib USIM.

Bahawasanya saya akan berusaha sedaya upaya menumpukan perhatian sepenuhnya untuk mencari dan memperdalamkan ilmu pengetahuan yang bermanfaat untuk kemajuan diri, agama, bangsa dan negara.

Bahawasanya saya akan sentiasa menghormati kepimpinan, pensyarah dan kakitangan USIM serta memelihara dan mempertingkatkan nama baik USIM.

Bahawasanya saya bersedia untuk menandatangani Surat Aku Janji dan mematuhi segala apa yang dinyatakan dalam Surat Aku Janji tersebut.

DIREKTORI
PUSAT TAMHIDI

KAKITANGAN PENTADBIRAN PUSAT TAMHIDI

BIL	NAMA	EMAIL	TELEFON
1.	**Prof. Madya ChM. Dr. Juliana Jumal** Dekan Pusat Tamhidi	dekan.tamhidi@usim.edu.my	06-7987004
2.	**Mohd Naser Mohd Sabri** Timbalan Dekan Pusat Tamhidi	naser@usim.edu.my	06-7987044
3.	**Siti Rubaini Mat** Penyelaras Tamhidi Perubatan, Pergigian dan Sains dan Tamhidi Sains Fizikal dan Teknologi	sitirubaini@usim.edu.my	06-79870303
4.	**Lakirina Faidiwati Latif** Penyelaras Tamhidi Perakaunan & Muamalat	lakirina@usim.edu.my	06-7987073
5.	**Azniwati Abdul Aziz** Penyelaras Tamhidi Syariah dan Undang-Undang	azniwati@usim.edu.my	06-7987043
6.	**Amanina Kamarudin** Penyelaras Kualiti	amanina@usim.edu.my	06-7986670
7.	**Noorfazira Zainol Rashid** Penolong Pendaftar Kanan / Pegawai Kemasukan Pelajar	fazira@usim.edu.my	06-7987020
8.	**Mohd Zaini Othman** Penolong Pendaftar	zainiothman@usim.edu.my	06-7987011
9.	**Rabiatul Suria Badaruddin** Penolong Pegawai Tadbir (Kesetiausahaan)	rabiatulsuria@usim.edu.my	06-7987005
10.	**Norfiza Zakaria** Penolong Pegawai Sains	nrfiza@usim.edu.my	06-7987026
11.	**Junisam Jurimi** Pembantu Tadbir Kanan (Perkeranian & Operasi)	pej.tamhidi2@usim.edu.my	06-7987019
12.	**Nurhaslina Che Ali** Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi)	nurhaslina@usim.edu.my	06-7987019
13.	**Nurul Wahida Binti Abdul Mutalib** Pembantu Makmal	nurulwahida@usim.edu.my	06-7987065

BIL	NAMA	EMAIL	TELEFON
14.	**Muhammad Fariz Bin Mat Saad** Pembantu Makmal	pembm.pt1@usim.edu.my	06-7986672
15.	**Nurul Fatiha Abdul Pata** Pembantu Makmal	nurfatihah_abdulpata@usim.edu.my	06-7986673
16.	**Nor Azmil Md Isa** Pembantu Operasi	norazmil@usim.edu.my	06-7987009

KAKITANGAN AKADEMIK PUSAT TAMHIDI

Bil	Nama	Bidang	Email
1.	Professor Dato' Mohamed Ridza Wahiddin	**Optik Kuantum, Pemprosesan Maklumat Kuantum dan Pemodelan Matematik**	mridza@usim.edu.my
2.	Dr Maizatul Farisah Mohd Mokhtar	**Undang-Undang**	maizatulfarisah@usim.edu.my
3.	Dr. Ummu-Hani Abas	**Bahasa Arab**	ummuhani@usim.edu.my
4.	Dr. Haslinawati Mohd Mustapha	**Fizik**	haslinawati@usim.edu.my
5.	Dr. Nur Ilyana Ismarau Tajudin	**Perkomputeran**	nur_ilyana@usim.edu.my
6.	Dr. Norrlaili Shapiee	**Matematik**	norrlaili@usim.edu.my
7.	Dr. Nurul Jannah Abd. Rahman	**Kimia**	jannahrahman@usim.edu.my
8.	Dr. Nur Idayu Ah Khaliludin	**Matematik**	nuridayu@usim.edu.my
9.	Dr. Nadrahtul Huda Misral	**Kimia**	nadrahtulhuda@usim.edu.my
10.	Dr. Muhammad Nuruddin Sudin	**Perkomputeran, Kecerdasan Buatan**	nuruddin@usim.edu.my
11.	Ts. Dr. Nur Amlya Abdul Majid	**Teknologi Maklumat (Perkomputeran Industri)**	amlya@usim.edu.my
12.	Dr. Hashim Ahmad Shiyuti	**Keusahawanan, Kewangan Islam dan Kewangan Korporat**	hashim@usim.edu.my
13.	Siti Rubaini Mat	**Kimia**	sitirubaini@usim.edu.my
14.	Ts. Halimaton Sa'adiah Ariffin	**ICT**	halimaton@usim.edu.my
15.	Wan Amir Nudin Wan Ishak	**Pengajian Islam**	amirnudin@usim.edu.my
16.	Alifah Hj. Hamid	**Perakaunan**	alifah@usim.edu.my
17.	Haslinda Haron	**Kewangan Bahasa Inggeris**	haslinda@usim.edu.my
18.	Latipah Mohd Noor	**Kimia**	latipah@usim.edu.my
19.	Sanusi Sharif	**Usuluddin**	hj.sanusi@usim.edu.my
20.	Zunaidah Ismail	**Statistik**	zunaidah@usim.edu.my
21.	Nur Afzan Izham	**Bahasa Inggeris**	nazfa@usim.edu.my
22.	Lakirina Faidiwati Latif	**Ekonomi**	lakirina@usim.edu.my

Bil	Nama	Bidang	Email
23.	Siti Fazilah Shaik Mohd Noor	**Fizik**	sitifazilah@usim.edu.my
24.	Junaidah Md. Din	**Bahasa Inggeris**	junemddin@usim.edu.my
25.	Afiedah Kasmani	**Bahasa Inggeris**	afiedah@usim.edu.my
26.	Azlina Mohamed Nor	**Bahasa Inggeris**	AzlinaMNor@usim.edu.my
27.	Azniwati Abdul Aziz	**Pengajian Islam**	azniwati@usim.edu.my
28.	Safiah Sharif@Sheriff	**Bahasa Inggeris**	safiah@usim.edu.my
29.	Mohd Naser Mohd Sabri	**Bahasa Arab**	naser@usim.edu.my
30.	Siti Khadijah Togin	**Biologi**	ctkhadijah.togin@usim.edu.my
31.	Amanina Kamarudin	**Matematik**	amanina@usim.edu.my
32.	Rosmarini Mat Zain	**Undang-Undang**	rosmarini@usim.edu.my
33.	Rasmina Hasbullah	**Pengajian Islam**	rasmina@usim.edu.my
34.	Ahmad Asyraf Mat Ali	**Bahasa Arab**	asyrafali@usim.edu.my
35.	Nurul Khadijah Mohamad	**Bahasa Arab /Syariah**	nurulkhadijah89@usim.edu.my
36.	Norhakimah Dhiauddin	**Biologi**	norhakimah@usim.edu.my
37.	Nur Safura Ab. Ghaffar	**Bahasa Inggeris**	safuraghaffar@usim.edu.my
38.	Raimizar Rahim	**Bahasa Inggeris**	raimi@usim.edu.my
39.	Afif Ariffin	**Kimia**	afifarifin@usim.edu.my
40.	Mohamad Hazwan Abdul Rahman	**Bahasa Arab**	mohamadhazwan@usim.edu.my
41.	Shahirah Sulaiman	**Bahasa Inggeris**	shahirah@usim.edu.my
42.	Azizah Abdul Majid	**Bahasa Inggeris**	azimad@usim.edu.my
43.	Husna Azira Md Radzi	**Fizik**	husnaazira@usim.edu.my
44.	Aiza Azrin Mohd Zain	**ICT**	aiza@usim.edu.my

Bil	Nama	Bidang	Email
45.	Nur Sakinatul Laila Mohammad Jasni	**Fizik**	sakinatul.laila@usim.edu.my
46.	Nurasyikin Abd. Rahman	**Biologi**	nurasyikin@usim.edu.my
47.	Nur Khairunnisa Mohd Ngaini	**Matematik**	nurkhairunnisa@usim.edu.my
48.	Mohamad Shukri Yazid	**Bahasa Arab/ Syariah**	mshukri9891@usim.edu.my
49.	Mohd Naqiudin Che Ibrahim	**Matematik**	chemohdnaqiudin@usim.edu.my

RUANG PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PUSAT TAMIDI

RUANG PENGAJARAN & PEMBELAJARAN PUSAT TAMHIDI

BIL	RUANG PEMBELAJARAN	LOKASI
1	Dewan Kuliah Program 1	Aras 1 Blok Akademik Pusat Tamhidi
2	Dewan Kuliah Program 2	Aras 1 Blok Akademik Pusat Tamhidi
3	Dewan Kuliah Sederhana 1	Aras 1 Blok Akademik Pusat Tamhidi
4	Dewan Kuliah Sederhana 2	Aras 1 Blok Akademik Pusat Tamhidi
5	Dewan Kuliah Sederhana 3	Aras 1 Blok Akademik Pusat Tamhidi
6	Dewan Kuliah Sederhana 4	Aras 1 Blok Akademik Pusat Tamhidi
7	Dewan Kuliah Sederhana 5	Aras 1 Blok Akademik Pusat Tamhidi
8	Dewan Kuliah Sederhana 6	Aras 1 Blok Akademik Pusat Tamhidi
9	Bilik Tutorial Pusat 1	Aras 2 Blok Akademik Pusat Tamhidi
10	Bilik Tutorial Pusat 2	Aras 2 Blok Akademik Pusat Tamhidi
11	Bilik Tutorial 1	Aras 2 Blok Akademik Pusat Tamhidi
12	Bilik Tutorial 2	Aras 2 Blok Akademik Pusat Tamhidi
13	Bilik Tutorial 3	Aras 2 Blok Akademik Pusat Tamhidi
14	Bilik Tutorial 4	Aras 3 Blok Akademik Pusat Tamhidi
15	Bilik Tutorial 5	Aras 3 Blok Akademik Pusat Tamhidi
16	Bilik Tutorial 6	Aras 3 Blok Akademik Pusat Tamhidi
17	Bilik Tutorial 8	Aras 3 Blok Akademik Pusat Tamhidi
18	Bilik Tutorial 9	Aras 3 Blok Akademik Pusat Tamhidi
19	Bilik Tutorial 10	Aras 3 Blok Akademik Pusat Tamhidi
20	Bilik Tutorial 11	Aras 3 Blok Akademik Pusat Tamhidi
21	Bilik Tutorial 12	Aras 3 Blok Akademik Pusat Tamhidi
22	Bilik Tutorial 13	Aras 3 Blok Akademik Pusat Tamhidi

23	Bilik Tutorial 14	Aras 3 Blok Akademik Pusat Tamhidi
24	Bilik Tutorial 15	Aras 3 Blok Akademik Pusat Tamhidi
25	Bilik Tutorial 16	Aras 3 Blok Akademik Pusat Tamhidi
26	Bilik Tutorial 19	Aras 4 Blok Akademik Pusat Tamhidi
27	Bilik Tutorial 20	Aras 4 Blok Akademik Pusat Tamhidi
28	Makmal Fizik	Aras 5 Blok Akademik Pusat Tamhidi
29	Makmal Kimia	Aras 4 Blok Akademik Pusat Tamhidi
30	Makmal Biologi	Aras 3 dan 4 Blok Pentadbiran dan Makmal Pelbagai Guna Pusat Tamhidi
31	Dewan Kuliah Program 1.5	Fakulti Kepimpinan & Pengurusan
32	Dewan Kuliah Program 1.6	Fakulti Kepimpinan & Pengurusan
33	Makmal Komputer MSC04	Aras 1 Blok Pentadbiran dan Makmal Pelbagai Guna Pusat Tamhidi
34	Makmal Komputer MSC05	Aras 1 Blok Pentadbiran dan Makmal Pelbagai Guna Pusat Tamhidi

USIM

PUSAT TAMHIDI
Tamhidi Centre
المركز التمهيدي

Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Tel: +606-798 8000
Faks: +606-798 8204
Laman Web: www.usim.edu.my